hovid-Ketoconazole 200mg Tablet ®

Ketoconazole (200 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *hovid-Ketoconazole 200mg Tablet*
2. Bagaimana *hovid-Ketoconazole 200mg Tablet* berfungsi
3. Sebelum mengambil *hovid-Ketoconazole 200mg Tablet*
4. Cara menggunakan *hovid-Ketoconazole 200mg Tablet*
5. Semasa menggunakan *hovid-Ketoconazole 200mg Tablet*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *hovid-Ketoconazole 200mg Tablet*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP
12. Nombor Siri

Apakah kegunaan *hovid-Ketoconazole 200mg Tablet*

Ketoconazole boleh digunakan sahaja ketika tidak mempunyai ubat efektif lain yang boleh digunakan dalam rawatan. Ia digunakan dalam rawatan untuk jangkitan kulat sistemik. Ketoconazole tidak boleh digunakan dalam rawatan inflamasi kulat lapisan otak kerana ia tidak tembus ke dalam system saraf pusat dan tidak berkesan terhadap penyakit tersebut.

Bagaimana *hovid-Ketoconazole 200mg Tablet* berfungsi

Ketoconazole ialah agen antikulat yang akan menjejaskan pembuatan komponen lapisan sel kulat dan menyebabkan kematian dan penghapusan sel kulat. Ia juga berkesan terhadap Candida albicans.

Sebelum mengambil *hovid-Ketoconazole 200mg Tablet*

-Bila tidak boleh mengambil

Pesakit yang mempunyai penyakit akut porphyria, penyakit hati akut atau kronik, atau alergi terhadap antikulat azole lain. Ketoconazole tidak harus diambil serentak dengan terfenadine, astemizole dan cisapride. Ketoconazole juga tidak harus digunakan semasa kehamilan. Ibu-ibu yang menyusu harus menghentikan penyusuan susu selepas menerima rawatan dengan ketoconazole selama 24 hingga 48 jam kerana ia akan berada dalam susu ibu dan mungkin boleh menyebabkan kernicterus pada bayi. Ketoconazole tidak harus digunakan untuk kanak-kanak kecuali faedahnya lebih besar daripada risikonya.

- Sebelum mula mengambil

Ujian fungsi hati perlu dijalankan sebelum bermula rawatan, selepas 2 minggu dan setiap bulan berikutnya.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Penggunaan bersama dengan alkohol atau ubat-ubatan hepatotoksik lain boleh meningkatkan risiko hati, terutamanya mereka yang menggunakan ubat tersebut untuk masa berpanjangan atau mereka yang mempunyai sejarah penyakit hati manakala penggunaan serentak ketoconazole dengan dantrolene, wanita berusia melebihi 35 tahun mungkin berisiko tinggi. Penggunaan bersama dengan antasid, antikolinergik, antispasmodik, histamine H2-reseptor antagonis atau omeprazole boleh mengurangkan penyerapan ketoconazole. Kesan ubat antibeku darah mungkin ditingkatkan apabila ubat ini digunakan serentak dengan ketoconazole. Ketoconazole telah dilaporkan meningkatkan kandungan cyclosporine dalam darah dan boleh meningkatkan risiko buah pinggang. Penggunaan serentak ketoconazole dengan dideoxyinosine (ddI) boleh mengurangkan penyerapan ketoconazole. Penggunaan bersama dengan isoniazid atau rifampicin atau kedua-dua ubat tersebut mungkin akan mengurangkan kesan antikulat. Penggunaan bersama dengan phenytoin mungkin menjejaskan kandungan kedua-dua ubat dalam badan. Ketokonazol merencat metabolisma terfenadine dan akan meningkatkan risiko terhadap jantung.

Cara menggunakan *hovid-Ketoconazole 200mg Tablet*

-Berapa banyak harus diambil

Dewasa: 200mg (sebiji) sekali sehari. Jika tidak menunjukkan keberkesanan dalam rawatan, dos boleh ditingkatkan kepada 400mg (2 biji) sekali sehari. **Kanak-kanak**-melebihi 2 tahun ke atas: 3.3 - 6.6 mg/kg sekali sehari. Bawah 2 tahun: Dos tidak ditentukan.

-Bila perlu diambil

Ambil ketoconazole mengikut arahan doktor.

-Berapa lama perlu diambil

Tempoh biasa rawatan bagi penyakit kulat adalah sepanjang 6 bulan. Rawatan haruslah diteruskan sehingga kulat dihapuskan dengan sepenuhnya. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi.

-Jika terlupa mengambil

Jangan mengambil dos berganda untuk mengganti dos yang terlepas.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

hovid-Ketoconazole 200mg Tablet ®

Ketoconazole (200 mg)

Menghubungi doktor anda, jabatan kecemasan atau pusat keracunan bagi menerima rawatan secepat mungkin.

Semasa menggunakan *hovid-Ketoconazole 200mg Tablet*

-Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang anda sedang ambil atau sebarang penyakit yang anda alami.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Arak atau sebarang minuman yang mengandungi alkohol adalah dilarang. Tidak menukar dos yang telah ditetapkan atau mengambil ubat baru tanpa arahan doktor.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Awas jika pening atau mengantuk berlaku. Awas jika digunakan untuk kanak-kanak. Beritahu doktor sebelum menerima rawatan jika anda hamil atau akan megandung atau menyusu semasa rawatan.

Kesan-kesan sampingan

Ketoconazole boleh menyebabkan gangguan gastrousus seperti loya, muntah, sembelit, sakit perut, dan cirit-birit. Terdapat juga kesan-kesan sampingan lain seperti hepatitis, hipersensitiviti, ruam kulit, pruritus, pening, mengantuk, sakit kepala, pembesaran payudara pada lelaki, impotensi, gangguan haid, sensitivity mata kepada cahaya dan platelet darah yang rendah.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web npra.gov.my *[Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]*.

Cara penyimpanan dan pelupusan *hovid-Ketoconazole 200mg Tablet*

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30˚C. Jauhkan dari kelembapan.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi cara pelupusa yang betul.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bulat, putih tidak bersalut, muka cembung serong, "HD" dan garisan pecah timbul pada satu muka.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:
Ketoconazole

- MAL number:

MAL NO: MAL19987375AZ

Pengilang

HOVID Bhd.
Lot 56442, 7 ½ Miles, Jalan Ipoh/Chemor, 31200 Chemor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

HOVID Bhd.
121, Jalan Tunku Abdul Rahman, 30010 Ipoh, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

26/06/2020

Nombor Siri

NPRA(R2/1)200508/436